

**Pengerusi Majlis Perniagaan Amerika-Asean Kunjungi Najib
Bernama
26 Jun, 2013**

KUALA LUMPUR, 26 Jun (Bernama) -- Pengerusi Majlis Perniagaan Amerika Syarikat-Asean, Evan G.Greenberg, mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak di Bangunan Parlimen Rabu.

Greenberg diiringi enam anggota majlis itu. Turut hadir pada pertemuan itu ialah Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Mustapa Mohamed.

Najib dan Greenberg membincangkan antara lain, usaha mengukuhkan dan meningkatkan hubungan antara syarikat multinasional Amerika dan Malaysia serta Asean.

Greenberg juga menyentuh mengenai pelaburan yang boleh memberi manfaat kepada Amerika dan Malaysia.

Amerika merupakan rakan dagang keempat terbesar Malaysia selepas China, Singapura dan Jepun, iaitu 8.7 peratus bagi jumlah eksport Malaysia.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=959096>